

DALAM kita berniat berhijrah, kadang-kadang ada “angin munafik sepoi-sepoi” hadir dalam hati kita. Bisikan ke cuping telinga sehingga akal menerbitkan ingin menanggung lagi. Daripada situ, bermula perdebatan antara akal terbatas dengan kebenaran.

Adakah wajar kita menyalahkan ibu bapa kerana kurang didikan agama kepada kita semenjak kecil? Tidak, itu mungkin dosa mereka. Usah ditambah lagi belunggu dosa yang sudah pun sarat. Kita minta sahaja ampunan bagi mereka. Mudah-mudahan Allah SWT mengampunkan dosa atas ketelanjuran mereka. Setelah dewasa, bukankah kita mampu berfikir sendiri?

Jiwa Meronta

Bangkitlah! Dengarkan tangisan jiwa yang meronta-ronta meminta kita kembali kepada Tuhan atau fitrah diri sebagai hamba sebenar.

Usah membiarkan jiwa kita terperangkap dalam penjara nafsu dan godaan syaitan yang lemah.

Mulakanlah langkah berhijrah, sekali pun harus mengengsol! Tanya kepada diri sendiri sampai bila aku harus begini?



PENERIMA Anugerah Khas Maal Hijrah 1442Hijrah (dari kiri) Datuk Yaakub Md Amin (Tokoh Maal Hijrah), Dr Muhammad Fadhly Yahya (Anugerah Cendekiawan Perubatan) dan Datuk Ir Khairul Anuar Mohammad Tawi (Anugerah Usahawan Islam) – Bernama

Sampai bila aku harus terus derhaka kepada Allah SWT yang menciptakan kita dan ingatlah sakaratul maut itu kiamat paling hampir dengan diri kita.

Usah Tangguh

Itulah hakikat yang tidak dapat kita sangkal lagi, terjadi pada bila-bila masa sahaja! Bayangkanlah! Berhijrahlah. Usah ditangguh lagi.

Usah tertipu lagi. Berhentilah menyeksa batin meronta-ronta meminta dikembalikan kepada Tuhannya. Hijrah mempunyai dua pengertian. Pertama, hijrah bermaksud perpindahan Nabi Muhammad SAW dan sahabat dari Makkah ke Madinah. Namun, kini tiada lagi kecuali bagi mereka yang hidup di negara yang sukar mengamalkan ajaran Islam.

Maka, mereka dibenarkan berhijrah ke tempat lain. Dalam konteks di Malaysia, negara kita aman dan beramal dengan Islam. Jadi hijrah kita di sini ialah hijrah ke arah yang lebih baik.

Hijrah Zahir Dan Batin

Sikap segelintir masyarakat yang cantik dari segi penampilan, tetapi tidak pada dalamannya iaitu hati. Penampilan sahaja tidak cukup. Sekadar pakai tudung atau menutup aurat, tetapi pecah amanah dan lain-lain. Kita perlu ingat perbuatan jahat sebenarnya bermula daripada dalaman.

Memetik kata mutiara Imam al-Ghazali: Hati itu ibarat raja, manakala anggota zahir (badan yang lain) ibarat rakyat. Justeru, pesanan ini perlu dilakukan dengan memperbaiki hati dan pada masa yang sama turut mengubah penampilan diri.

Jika kita hanya berhijrah dari segi penampilan secara zahir, sedangkan hati tidak seperti yang ditampikan itu menjadikan kita tidak seimbang.

Panduan Terbaik Hijrah

Jika membaca al-Quran, fahamilah maknanya supaya mudah untuk kita bertadabur dengannya. Jika sekadar membaca sahaja kalam Allah SWT tanpa memahami apa-apa yang dibacanya, percayalah sukar untuk kita berubah.

Namun, kita tetap memperoleh pahala membaca al-Quran. Bagaimanapun, jika kita membaca al-Quran dan faham kandungannya, dua pahala diperoleh iaitu pahala membacanya dan apabila kita berubah pun kita dapat pahala. Itulah cara hijrah yang sebenarnya.

Hijrah Untuk Semua

Benarkah hijrah hanya untuk orang yang banyak dosa? Semua orang dapat melakukan hijrah iaitu bermuhasabah diri. Hijrah bukan orang yang berdosa atau banduan dalam penjara sahaja, tetapi untuk kita semua.

Kita perlu melakukan perubahan yang lebih baik. Jika seseorang itu tidak baik, dia perlu mengubah dirinya kepada yang baik, manakala mereka yang baik pula perlu menjadi lebih baik.

Terdapat juga dalam kalangan mereka sudah baik tetapi datang pula sikap buruk sangka terhadap orang lain.

Maka, gantikan sikap itu dengan berbaik sangka. Bagi yang kedekut, gantikan sikap itu dengan dermawan dan lain-lain. Manusia sifatnya dinamik dan sentiasa bergerak ke hadapan.

Kesimpulan

Setiap kali memasuki tahun baharu Islam, umat Islam sepatutnya memiliki semangat baharu untuk merancang dan melaksanakan hidup ini lebih baik dan teratur.

Hijrah bukan semata-mata proses perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, tetapi memberi makna signifikan sebagai proses perpindahan atau transformasi daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik.

Perubahan masih tidak disempurnakan kerana sikap masih berada di takuk lama. Yang tinggal hanya azam dan keinginan.

Ingatkah anda pada azam tahun baharu yang dirancang pada setiap tahun?

Sudahkah anda merealisasikan? Tapi tidak mengapa, ada niat pasti ada jalan-Nya kerana Allah itu Maha Pengasih dan Penyayang kepada hamba-Nya.



Hijrah kepada kebaikan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri (kanan) menerima kalendar Taqvim Hijrah 1442H daripada Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif Picoms Prof Dr Wan Mohd Azizi Wan Sulaiman (kiri) pada Program Hijrah Merdeka dan Majlis Pelancaran Taqvim Hijrah Picoms Maiwip sempena sambutan Awal Muharam dan sambutan Hari Kebangsaan ke-63 di Kolej Universiti Antarabangsa Picoms. – Bernama